



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA**

**YM RAJA HASSAN BIN RAJA ATAN, PENKISAH**

**SEJARAH TEMPATAN PEMBUKAAN KAMPUNG**

**TEBING TINGGI**

**MUHAMMAD KHUSAIRIE BIN RAZALI**

**(2022794025)**

**DANIAL ALIFF NAJMI BIN MOHD AZRUL**

**(2022786353)**

**SEMESTER MAY 2023 – JULAI 2023**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA**

**YM RAJA HASSAN BIN RAJA ATAN, PENKISAH**

**SEJARAH TEMPATAN PEMBUKAAN KAMPUNG**

**TEBING TINGGI.**

**MUHAMMAD KHUSAIRIE BIN RAZALI**

**(2022794025)**

**DANIAL ALIFF NAJMI BIN MOHD AZRUL**

**(2022786353)**

**FAKULTI PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFOMATIK  
DAN MATEMATIK**

**SEMESTER MAY 2023 – JULAI 2023**

## SENARAI KANDUNGAN

NO.	KANDUNGAN	M/S
I.	Abstrak	i-ii
II.	Penghargaan	iv
III.	Senarai Abreviasi	vi
IV.	Senarai Singkatan	viii
V.	Rujukan Kata	x-xi
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1-3
2.0	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh	4-6
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	7-9
4.0	Kajian Literatur 4.1 Peranan Sejarah Lisan 4.2 Kajian Terhadap Tokoh 4.3 Agama	10-13
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	14-32
6.0	Log Temubual	33-40
7.0	Ralat	41-42
8.0	Glosari	43-45
9.0	Indeks	46-47
10.0	Bibliografi	48-50
	Lampiran 11.1 Biografi Tokoh 11.2 Surat Perjanjian 11.3 Senarai Soalan 11.4 Diari Penyelidikan 11.5 Gambar dan bahan lain yang berkaitan	51-58

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

*Transkrip ini mengandungi rakaman temubual mengenai sejarah lisan sejarah pembukaan Kampung Tebing Tinggi yang terletak di Pekan Jementah, Daerah Segamat. Tokoh yang ditemubual adalah bernama YM Raja Hassan Bin Raja Atan. Beliau merupakan seorang pengkisah sejarah lisan bagi Kampung Tebing Tinggi. Beliau telah berkongsi tentang sejarah pembukaan Kampung Tebing Tinggi yang mempunyai pelbagai kisah, tauladan dan juga pengajaran. Pendokumentasian daripada sesi temubual ini akan membantu dalam merungkai sejarah bagaimana wujudnya kampung yang bernama Tebing Tinggi di Daerah Segamat. Soalan-soalan yang disediakan terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama soalan mengenai latar belakang kampung dan bahagian kedua merupakan soalan tentang ancaman Komunis di Kampung Tebing Tinggi. Semua soalan yang ditanyakan adalah berkaitan dengan kajian sejarah lisan pembukaan Kampung Tebing Tinggi dan tokoh itu sendiri. Sesi temubual dijalankan selama 40 minit pada tarikh 8 Julai 2023 bertempat di beranda rumah YM Raja Hassan. Melalui sejarah lisan ini, diharapkan agar masyarakat Malaysia terutama dalam golongan muda dan generasi akan datang dapat mengenali asal usul pembukaan Kampung Tebing Tinggi supaya tidak dilupakan oleh generasi terkini.*

**Kata Kunci:** *Temubual, Kampung, Pembukaan, Tokoh, Sejarah.*

## **ABSTRACT**

*This transcript contains a recording of an interview about the oral history of the opening of Kampung Tebing Tinggi located in Pekan Jementah, Segamat District. The person interviewed is named YM Raja Hassan Bin Raja Atan. He is an oral history teller for Kampung Tebing Tinggi. He has shared about the history of the opening of Kampung Tebing Tinggi which has various stories, examples and also lessons. The documentation from this interview session will help in unraveling the history of how the village named Tebing Tinggi came to be in Segamat District. The questions provided are divided into two parts. The first part is a question about the background*

*of the village and the second part is a question about the Communist threat in Tebing Tinggi Village. All the questions asked are related to the study of the oral history of the opening of Kampung Tebing Tinggi and the figure himself. The interview session was conducted for 40 minutes on 8 July 2023 at the verandah of YM Raja Hassan's house. Through this oral history, it is hoped that the Malaysian community, especially the young and future generations, will be able to recognize the origin of the opening of Kampung Tebing Tinggi so that it is not forgotten by the latest generation.*

*Keywords: Interview, Village, Opening, Figures, History.*

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim dan Assalamualaikum w.b.t, Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah dan kurnianya. Kami telah berjaya menyiapkan tugas ini pada tempoh yang ditetapkan. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada mana mana pihak yang terlibat secara langsung dan bukan secara langsung membantu kami dalam menjayakan tugas kami bagi subjek ini. Sungguh tidak ternilai Kerjasama yang diberikan sehingga kami berjaya berada di tahap ini.

Selain itu, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada pensyarah kami, Puan Azura Binti Kamaruzzaman, terima kasih banyak atas bimbingan dan sokongan penuh kepada kami yang dapat memudahkan tugas ini. Beliau sungguh tenang dan sabar dalam mencurahkan ilmu serta melayan karenah kami. Beliau juga tidak pernah berputus asa berusaha dalam menerangkan setiap perkara bagi memastikan kami faham dan dapat mengeluarkan apa yang diajar. Tugas ini tidak akan dapat dilakukan tanpa bimbingan beliau.

Akhir sekali, tidak lupa juga ucapan ribuan terima kasih dan rasa sayang kepada ahli keluarga dan rakan kami kerana telah banyak membantu kami. Mereka juga memberikan dorongan dan kata kata semangat ketika kami menyiapkan tugas ini. Mereka membantu kami dengan menjawab setiap pertanyaan yang kami uterakan kepada mereka. Kami tidak akan sesekali melupakan bantuan yang mereka beri kepada kami dan kami amat menghargai jasa mereka yang tidak ternilai.



# **SENARAI ABREVIASI**

## SENARAI ABREVIASI

<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
YM	Yang Mulia
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
RTM	Radio Tevisyen Malaysia

# **SENARAI SINGKATAN**

## **SENARAI SINGKATAN**

DA: Danial Aliff

MK: Muhammad Khusairie

YMRH: Yang Mulia Raja Hassan

# **RUJUKAN KATA**

## RUJUKAN KATA

KATA	MAKSUD
Ajer	Sahaja
Anu	Itulah
Bawak	Bawa
Bonggg	Bunyi sesuatu jatuh
Bukak	Buka
Berdikit-dikit	Bersikit-sikit
Bandor	Bandar
Diaorang	Mereka
Dah	Sudah
Ghimau	Harimau
Gitu	Begitu
Home Guard	Pengawal Keselamatan
Kureng	Kurang
Loktang	Hantu
Macam mana	Bagaimana
Macam	Seperti
Mam	Imam
Ni	Ini
Nak	Hendak
Nolong	Tolong
Nurut	Turut
Pasal	Sebab
Pulak	Pula
Paham	Faham
Rawrrr	Bunyi ngauman harimau
Saje	Sahaja
Semayang	Solat
Takde	Tiada

Tak	Tidak
Tu	Itu
Taknak	Tidak mahu
UiTM	Universiti Teknologi Mara

# **1.0 BIODATA PENEMUBUAL**



## 1.1 Penemubual Pertama



<b>Nama</b>	Danial Aliff Najmi Bin Mohd Azrul
<b>Tarikh Lahir</b>	24 Julai 1999
<b>Nombor Telefon</b>	019-5008824
<b>Email</b>	danielaliff13@gmail.com
<b>Program</b>	Pengurusan Rekod (Im246)
<b>Tempat Lahir</b>	Kuala Rompin, Pahang
<b>Alamat</b>	No.1, Jalan Aman Jaya 2, Taman Aman Jaya, 26800 Kuala Rompin, Pahang.

**1.2 Penemubual Kedua**



<b>Nama</b>	Muhammad Khusairie Bin Razali
<b>Tarikh Lahir</b>	21 Mei 2023
<b>Nombor Telefon</b>	0136024313
<b>Email</b>	khusairiey49@gmail.com
<b>Program</b>	Pengurusan Rekod (IM 246)
<b>Tempat Lahir</b>	Kuala Terengganu, Terengganu.
<b>Alamat</b>	No 74, Kampung Tebakang, Bukit Payong, 21400, Marang, Terengganu.

## **2.0 BIODATA TOKOH**

## 2.1 Biodata Tokoh

YM Raja Hassan bin Raja Atan merupakan bekas guru agama Sekolah Pondok yang bertempat di Kampung Tebing Tinggi. Beliau merupakan orang kampung yang kedua tertua di kampung itu berumur 87 Tahun. Seterusnya, Y.M Imam Raja Hassan merupakan mantan Ketua Kampung Tebing Tinggi yang mempunyai latar belakang agama yang bukan sembarangan. Beliau pernah dinobatkan sebagai juara Tilawah Al-Quran pada zamannya dan pernah diwawancara oleh Rancangan Temubual Television RTM tentang sejarah Segamat dan juga Pekan Jementah.

Selain itu, Y.M Imam Raja Hassan juga adalah seorang mantan Imam dan Pengerusi Kampung yang telah mendapat pengtaulihan daripada Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim iaitu Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, sebagai pengkisah sejarah lisan yang boleh dipercayai sumbernya. Bahasa yang digunakan oleh Y.M Imam Raja Hassan juga mudah difahami dan beliau memberikan kerjasama yang sangat baik untuk temubual sejarah lisan Kampung Tebing Tinggi, Jementah. Beliau juga memberikan beberapa petua untuk menulis transkrip sejarah lisan sekaligus menceritakan tentang sejarah lisan dengan sangat teliti dan menggunakan sumber yang dipercayai oleh orang ramai.

<b>NAMA:</b>	Y.M Imam Raja Hassan Bin Atan
<b>UMUR:</b>	87 Tahun
<b>TARIKH LAHIR:</b>	8 September 1937
<b>TEMPAT TINGGAL:</b>	Kampung Tebing Tinggi, Jementah
<b>JAWATAN:</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Imam dan Pengerusi Masjid Kampung Tebing Tinggi</li><li>➤ Pengkisah dan Pengerusi Masjid yang ditauliahkan oleh DYMM Sultan Johor</li></ul>

<b>SUMBANGAN:</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Menguruskan 30 buah Masjid di Segamat</li><li>➤ Menjadi pengkisah sejarah yang ditauliahkan</li><li>➤ Pelapis sejarah lisan Kampung Tebing Tinggi</li></ul>
-------------------	---

## **3.0 SEJARAH LISAN**

### **3.1 Sejarah Lisan**

Sejarah lisan adalah teknik yang melibatkan menulis ingatan seseorang semasa temu duga. Orang yang dipilih selalunya mereka yang mempunyai pengetahuan langsung tentang orang, tempat atau peristiwa tertentu dan boleh memberikan maklumat sejarah berdasarkananya. Selepas disalin, disahkan dan ditaip, maklumat yang diperoleh daripada temu bual kemudiannya boleh digunakan sebagai bahan kajian dan pengajaran.

Selain itu, kajian sejarah lisan dianggap agak menarik kerana setiap orang yang melakukan penyelidikan akan menemui pelbagai pengalaman baru, melihat sejarah dari pelbagai sudut, serta mengenali ciri-ciri manusia yang lebih khusus. Ia adalah bidang penyelidikan yang sangat besar yang merangkumi pelbagai kumpulan sosial, termasuk rakyat biasa, pemimpin tempatan, gabenor, menteri kabinet, pengarang terkenal, syarikat, dan sebagainya (Rozeman, 2004).

Sejarah lisan juga merupakan teknik di mana orang menggambarkan peristiwa menggunakan rujukan longgar kepada dokumen seperti kertas, diari, surat dan gambar serta sumber maklumat lain. Sumber sejarah lisan dianggap sebagai sumber utama kerana ia datang daripada ceramah yang dirakam oleh penyelidik dan informan semasa temu bual yang dianjurkan. Dinyatakan bahawa maklumat sejarah lisan mempunyai kuasa tersendiri untuk menjelaskan kejadian sejarah. Ia merangkumi pelbagai kesusasteraan rakyat (folklore), termasuk mitos, legenda, cerita asal usul, dan lain-lain.

### **3.2 Objektif Sejarah Lisan**

Matlamat sejarah lisan adalah berbeza. Setiap tindakan yang kita lakukan mesti didorong oleh matlamat utama. Memandangkan sejarah lisan objektif berkaitan dengan topik yang sedang dibincangkan. Berikut adalah beberapa matlamat utama yang mungkin kami tentukan:

- I. Untuk memahami latar belakang dan asal usul fenomena yang baru ditemui untuk menyimpannya untuk kegunaan masa hadapan.
- II. Dipetik oleh ahli akademik dan pelajar sebagai sumber sekunder.
- III. Mengekalkan amalan dan budaya sejarah bagi memeliharanya.

### **3.3 Kepentingan Sejarah Lisan**

Ketiadaan bahan sejarah yang tulen adalah salah satu kelemahan utama dalam usaha untuk menulis semula sejarah Malaysia. Ini sangat terikat dengan ketidakupayaan masyarakat Malaysia untuk mengekalkan log harian, mengarang dokumentasi, atau menulis biografi. Malah artifak sejarah telah dirosakkan atau dicuri oleh pendatang British dan dijual kepada negara lain. Dalam kes ini, sumber lisan akan menjadi penting untuk mengekalkan dan meningkatkan bahan sejarah yang sedia ada. Rozeman Abu Hassan (2004) menambah perkara ini dengan menyatakan bahawa matlamat utama sejarah lisan adalah untuk mengumpul dan memelihara dokumen sejarah yang semakin merosot atau telah hilang.

Begitu juga nilai sumber lisan diiktiraf apabila tiada rekod bertulis tentang peristiwa yang dikaji atau apabila rekod lisan sahaja yang boleh didapati berkenaan peristiwa tersebut (Muhd. Yusof Ibrahim, 2009: 162). Fikirkan tentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu antara 1941 dan 1945. Terdapat sangat sedikit dokumen bertulis yang tersedia untuk kita menganalisis dan menilai peristiwa pendudukan Jepun. Walau bagaimanapun, orang tua yang masih hidup dan hidup melalui masa itu terus menceritakan pelbagai kisah mengenainya. Kita boleh belajar banyak daripada mereka, terutamanya tentang keterukan dan penderitaan hidup ketika itu.



# **4.0 KAJIAN LITERATUR**

#### **4.1 Peranan Sejarah Lisan Dalam Pembentukan Sosiobudaya Masyarakat Melayu**

Salah satu kelemahan utama dalam usaha untuk menulis semula sejarah Malaysia ialah kekurangan bahan sejarah yang tulen. Sumber asal hanya sedikit di negeri-negeri Melayu, dan majoritinya hanya ditemui pada abad ke-19. Isu ini menjadi lebih serius di Malaysia dengan kurangnya tradisi mengumpul dan mendokumentasikan nota harian, mencipta kertas lain, atau menulis biografi. Dalam pengertian ini, bukti lisan boleh menyumbang dengan ketara kepada pemeliharaan dan pengembangan sumber untuk sejarah Malaysia pada abad kedua puluh satu. Akibatnya, ia akan mendorong para sarjana untuk mempelajari mata pelajaran yang terdapat sumber lisan (Nadzan, 1979).

Tidak semestinya penulisan tertumpu kepada individu ternama dan peristiwa penting yang berlaku pada era tertentu demi mempromosikan penulisan sejarah Malaysia. Adalah penting untuk meletakkan tajuk yang berdasarkan sejarah tempatan dan negeri dalam konteks yang betul. Disebabkan fakta bahawa kebanyakan orang tidak meninggalkan rekod bertulis, keterangan lisan amat membantu dalam situasi ini. Pendekatan sejarah lisan ini boleh digunakan untuk mengkaji pelbagai mata pelajaran, seperti politik, ekonomi, isu sosial dan budaya. Kebanyakan maklumat tentang sejarah dan budaya awal di Malaysia datang daripada dokumen yang disimpan dan ditinggalkan oleh penjajah. Oleh itu bukti lisan adalah penting untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh keterangan bertulis.

#### **4.2 Kajian Terhadap Tokoh**

Seorang penyelidik perlu menjalankan temu bual dengan orang-orang di kawasan berhampirannya untuk meluaskan kajian tentang angka. Nilai individu dalam isu itu datang daripada sumbangannya kepada masyarakat atau negara keseluruhannya, bukan sahaja daripada kedudukan dan statusnya. Menurut temu bual Kio Koke Kway, individu ini boleh memainkan sedikit peranan yang sangat penting apabila sesuatu insiden berlaku. Selain itu, beberapa kajian mengenai individu terkenal telah

dijalankan oleh sarjana serantau. Mereka menjadi terkenal dan bersedia untuk meletakkan nyawa mereka dalam bahaya demi negara tercinta.

Kesaksian lisan juga telah berjaya menangkap pengalaman seharian di bawah pemerintahan sah komunis di Tanah Melayu. (Temu bual dengan Tuan Haji Baharuddin bin Haji Salleh) Kisah-kisah ini dikumpul daripada tradisi lisan atau pengalaman informan sendiri. Berdasarkan naratif kehidupan yang dikongsi, saksi lisan kejadian ini juga dipelihara. Contohnya, pengkisah di Kampung Tebing Tinggi juga boleh menceritakan tentang sejarah penjajahan komunis di kampung tersebut melalui penyampaian lisan oleh beliau.

### **4.3 Agama**

Sejarah, bahasa, kesusasteraan, dan budaya Alam Melayu semuanya dikekalkan oleh Islam dan budaya Melayu. Sekitar 5000 tahun dahulu, penduduk Melayu mula berkembang di seluruh Asia Tenggara. Kedatangan dan kesan Islam telah mengubah paksi kehidupan Melayu, membawa zaman baru dan menggalakkan nasionalisme, intelektualisme, dan keadilan serta meletakkan keperibadian manusia dalam konteks yang betul dan sesuai. Institusi keilmuan menjadi sangat penting dalam mempromosikan dan menyebarkan Islam. Untuk menyebarkan budaya belajar dan keintelektualan, kemudahan belajar termasuk pondok dan pondok pesantren diwujudkan (A.Aziz, 2010).

Seterusnya, apabila imperialisme dan kolonialisme Inggeris dan Belanda akhirnya menguasai Alam Melayu pada awal abad ke-20, peranan golongan intelektual mula beralih. Tanggungjawab mereka di peringkat ini melangkaui hanya menulis dan mengarahkan. Bagi membuat persiapan menghadapi penjajah Belanda dan British, mereka turut menggembeleng tenaga (Abdullah Zakaria Ghazali, 2007). Kepentingan perubahan masyarakat semakin berkembang, dan akibatnya, para ulama menjadi teladan kepada golongan muda (Mohamed Ali Haniffa, 2013). Di dalam negara, terdapat beberapa pertubuhan agama, namun perkhidmatan mereka dianggap sepi. Di Batu Pahat, Johor, Tuan Guru Haji Mokhtar dan Kiai Salleh bin Abdul Karim adalah dua daripada mereka (temu bual Tuan Haji Yusof bin Salleh). Di Sungai Manik, Perak, Tuan Guru Imam Haji Bakri bin Haji Mohd Saman memainkan

peranan yang cukup besar (Mohamed Ali, 2016). Beliau adalah Khalifah Parang Panjang, Sungai Manik, dan pahlawan tempatan yang memberi impak besar kepada pembangunan sosial dan budaya kejranaan ketika itu, khususnya dalam menghadapi penindasan komunis.

**5.0 TRANSKRIP  
TEMUBUAL BERSAMA  
TOKOH**

## 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

**DA:** Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. (--) Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang (--) sejarah tempatan Kampung Tebing Tinggi. Jadi bersama-sama kami ialah Yang Mulia Raja Hassan bin Raja Atan merupakan seorang (--) pengkisah sejarah tempatan. Jadi rakaman ini dijalankan pada tarikh 8 Julai 2023 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 3 petang bertempat di Kampung Tebing Tinggi. Okey, jadi temubual ini dikendalikan oleh saya sendiri, Danial Aliff Najmi bin Mohd Azrul dan juga (--) saya punya pasangan

**MK:** Muhammad Khusairie bin Razali

**DA:** Okey, jadi dengan segala hormatnya temubual dimulakan. Okey (--) baik Imam, soalan pertama. Bolehkah Imam (--) kongsi tentang bagaimana dan faktor yang mempengaruhi pembukaan Kampung Tebing Tinggi?

**YMRH:** Ya, jadi maksud pertanyaan *ni* adakah *macam mana* mula caranya orang dapat *nak* menghuni *nak* buka kampung *ni*. Jadi sebagaimana yang saya dimaklumkan oleh orang tua-tua dulu yang saya *ni* kira pelapis lah wallahualam Allah *saje* yang mengetahuinya. *Diaorang* datang pun *takde* lah penduduk yang dekat dekat di negeri Johor *ni*. Cuma yang datang yang luar daripada Johor. Contoh daripada Kampar daripada Bugis yang datang itu pun bukan datang beramai-ramai. Satu kadang suami isteri masuk membuka hutan di Tebing Tinggi *ni* masa itu hutan rimba. Hutan rimba *ni* segala masalah gajah, *ghimau*, buaya semuanya

(...) ada lah dalam Sungai Muar tepi Sungai Muar Tebing Tinggi *ni*. Itu sebab dinamakan Tebing Tinggi dan makluman untuk dinamakan Tebing Tinggi adalah satu tebing yang sangat tinggi kalau kita naik di atas tebing itu, kita akan nampak dulu *tak* sebut bandar cuma kata Segamat *ajer*. Haa nampak kadang orang berjalan walaupun lalu dalam Segamat *tu*. Sekarang *dah* tak nampak lagi *dah*. Pokok-pokok *dah* besar-besar tinggi kan. Yang keduanya, *diaorang* datang *tu* bukanlah datang kaedahnya *bawak* harta benda *bawak* benda-benda kaedahnya untuk *nak* bermastautin situ macam *diaorang* meninjau dulu. Bila boleh dapat kita kaedah *nak* duduk situ dia pun boleh lah beri kawan-kawan dia dua tiga empat orang bagaimana saya tahu daripada orang tua-tua dulu lah. Kemudian keadaan disini masa *tu* memang tempat binatang buas cukup banyak dan ada mangsa-mangsa orang *ni* telah dibaham oleh *ghimau*. Itu pun betul. Salah seorang antaranya Mat Amin Namanya sebagaimana orang tua bagitahu saya tangkap *ghimau* makan *ghimau*. Ye lah nak buka nak *ambik* kayu buat pondok buat apa kan, *ghimau* tiba rawrrr mari dalam kawan Tebing Tinggi hutan rimba semuanya. Itu cerita dia.

**DA: Okey, jadi soalan yang kedua Imam.**

YMRH: Ya.

**DA: *Macam mana* Tebing Tinggi *ni* boleh mendapat nama *macam mana* boleh ter tercetusnya nama Kampung Tebing Tinggi *ni*?**

YMRH: Tebing Tinggi *ni* mengikut sebagaimana yang diceritakan oleh orang tua-tua dulu memang satu tebing yang sangat tinggi di tepi Sungai Muar

(...) *ni*. Sungai Muar yang ada sekarang iaitu sungai yang paling Panjang dalam negeri Johor. Kuala Sungai Muar *ni* terus ke laut Muar lah dan hujungnya pangkalnya masuk dalam sawah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Ha itu cerita dia. Sebab tebing *tu* tinggi lah naik atas tebing *tu* nampak satu Segamat. dulu (...) belum bandar lagi tapi nampak Segamat. Haaa itu cerita dia. Itu sebab sampai sekarang Tebing Tinggi Tebing Tinggi.

**DA: Okey Imam, soalan yang ketiga. Pada pendapat imam adakah wujud mitos ataupun lagenda yang berkaitan dengan Kampung Tebing Tinggi sehingga dia mempengaruhi nama Kampung Tebing Tinggi?**

YMRH: Yang saya tahu lah selain daripada tebing *tu takde*. Tebing Tinggi tebing *tu* tinggi kata orang. Lain *tu takde*. Habis contoh macam Syeikh *tu* tadi kan datang sini dan meninggal di sini macam mana cerita itu diorang tak cerita pula. Ha itu yang kadang-kadang saya nak bercerita pun jadi masalah kan betul ke *tak* betul. *Tak* betul kang benda bawak ke kubur makam kan. Bukan sejarah daripada awak semua, daripada Johor datang, daripada Muar tengok *tu*.

**DA: Selain daripada Imam, (Bunyi Pintu) adakah terdapat tokoh perintis lain lah yang bersama Imam (Bunyi Tapak Kaki) di Kampung Tebing Tinggi?**

YMRH: Setakat hari ni dah *takde*. Kiranya dalam Tebing Tinggi saya nombor dua lah dalam Tebing Tinggi. *Pasal* 88 kan. Yang tua nombor satu bekas mejar saya, 89 umurnya. Dia *tak* boleh berjalan lagi dah. Haaa itu cerita dia. Pendek cerita, cerita yang saya cerita *ni* adalah berdasarkan bagaimana yang diberitahu oleh orang-orang tua, mak-mak sedara (...)



orang rumah saya *ni*. Dia dulu bidan dalam Tebing Tinggi. Bidan asal dia tahu lah kaedah jadi janganlah orang nak bohong cerita itu ini. Kau pun susah, Kau apa tahu. Saya ingat kalau dia ada sekarang umur dia ada dekat 90 atau 100 tahun. Saya cerita adalah berdasarkan daripada cerita dia. Betul ke tepat ke Wallahualam, Allah saja yang mengetahuinya. Tapi bila cerita *gitu* lah orang cerita. Tiada cerita lain lagi *dah*. Tebing Tinggi *tu* sebab ada tebing terlampau tinggi *tu* dan lagi satu orang gunakan sungai sebagai jalan raya dulu untuk kadang ada orang salah orang tangkap Rumah Pasong ni curi kerbau curi apa *bawak* ikut Bukit Kepong. Haaa itu cerita dia.

**DA: Jadi soalan seterusnya lebih kepada berkait dengan masyarakat tempatan. Jadi bolehkah Imam cuba kongsikan secara ringkas berkaitan dengan latar belakang ataupun pengaruh Imam dengan masyarakat di Kampung Tebing Tinggi ini?**

YMRH: Setakat hari *ni* saya sebagai Imam dan dulu saya dilantik Jurunikah sekarang saya *dah tak* berapa sihat lagi *dah*. *Takde* nikahkan *dah* hahaha. Di UiTM dulu ramai saya nikahkan pensyarah-pensyarah dia. Jadi setakat hari *ni*, penduduk kampung dengan saya *takde* masalah lah. Kaedahnya kalau apa kata saya *takde* lah membangkang dan apa yang terbaik kepada penduduk kampung saya mengikut sama lah sebab kita dengan Jemaah adalah nak seiringan kan. Jangan budak kita membangga-banggakan diri dengan mudah kita bercerita belakang, itu memang pada pendapat saya *tak* sesuai sebagai orang Islam kan. Kita boleh tegur dia berhadapan terus terang bukan dicerita bersambung-sambung nak sampai surat khabar pun ada. Haa kaedahlah macam itu. Setakat hari *ni* penduduk kampung dengan saya alhamdulillah walaupun saya *ni* kaedahnya macam awak juga orang luar daripada Tebing Tinggi. Saya nikah sini tahu. Saya berasal orang tua saya (...)

daripada Riau, Siak. Haa keturunan Raja Siak lah saya *ni*. Haa *tu* lah ceritanya, wallahualam, betul *tak* betul saya *tak* tahu tapi yang datang *ni* ke tanah melayu *ni* semua bapak saya Raja Ali, Raja Isa semua raja raja raja. Saya orang *tak* sebut raja. Saya marah orang panggil saya raja. Raja apa kata orang. Raja *tak* merintah. Kalau merintah baru panggil raja. Saya bukan macam *tu*. Saya malas *nak* bergaduh-gaduh hahaha. Sama sekolah selalu kadang *nak* bertumbuk. Haa pasal ada raja.

**DA: Okey Imam, soalan seterusnya. Apakah sumbangan Imam pada Kampung Tebing Tinggi terutama terhadap masyarakat disini?**

YMRH: Sumbangan saya *tak* lain *tak* bukan adalah mengembangkan ajaran yang terbaik iaitu agama Islam dan saya memang ramailah murid-murid saya yang telah berjaya menjadi johan qari peringkat sampai peringkat bukan peringkat dewasa lah, peringkat sekolah. Contohnya, ada satu anak Imam dua saya *tu* dah meninggal. Imam *tu* budak *tu* dua beradik dua tiga tahun johan daerah Sekolah Menengah Jementah mewakili Segamat *ni* ke daerah negeri Johor dan satu yang keduanya saya tidak lah kaedahnya kata orang tua-tua lokek dengan ilmu agama *ni* lah contohnya kalau orang *tak*, *tak* jelas dia datang jumpa saya dan saya pun beri lah penjelasan sebagaimana yang tahu sebagaimana yang dah termaktub dalam *quran* kan. Kita *tak* boleh *nak* agak-agak pulak. Contohnya macam mana *mam* pendapat Imam, Orang *ni* tak mahu langsung datang *semayang* Jumaat. Ada! Dia buat *tak* tahu *je* Jumaat. Ada, jadi macam mana kebijaksanaan saya lah dengan tutur kata saya. Saya *takde* jumpa tengah jalan, saya ajak dia ke rumah. Mari kita borak-borak. Kenapa Pak Long? Dia panggil saya Pak Long (Bunyi Burung). Awak contohnya Mat, Mat, awak *ni* dah lama Pak Long tengok *tak gi* masjid. Allah *tak* sempat lah Pak Long. Saya *ni* balik kerja kadang *nolong* itu. Semua orang *tak* sempat. Semua cakap *tak* sempat tapi dia sempatkan kata saya. Awak fikirlah yang kita *bawak* tadi contoh ada

(...) orang meninggal kan, siapa yang *nolong* dia *tu*. Kalau *takde* dia amalan dia, pakaian dia yang pergi *nurut* sampai kubur balik yang saya soal jawab antara dia dengan Allah lah amalan dia. Baru dia elok. Datang *semayang* sampai sekarang. Pendek kata apa *saje* kebbaikannya adalah dengan lemah lembut dengan budi bicara sopan santun yang betul. Jangan mudah kita melatah kadang-kadang apa kau *ni* itulah belajar *tak* guna ada ilmu *tak* dipakai *tak* buat haa tu marah lah orang kan. Dan saya sebenar pun *takde* lah *nak* membangga-banggakan diri saya. Saya dulu memang saya guru agama tapi oleh sebab saya *tak* berapa sihat. Jadi guru agama, guru al-Quran. Ustaz Imam, Ustaz Kamarudin *tu* guru saya. Belajar taranum berkatlah kaedahnya kadang dua tiga kali saya dapat johan. Mukim Jementah *ni* dulu saya pegang dulu dari zaman 1972 sampai 1996 *takde* siapa yang menewaskan bukan saya bangga *pulak* kan. Dengan saya ustaz Kamarudin lah. Pendek kata dulu *takde* lagu-lagu macam sekarang. Bila *dah* bertanding hakim *dah* beritahu nak lagu lagu lagu ni. Saya suka lagu Tuan Haji Ismail Hashim qari negeri Jo negeri kedah dulu kan. Haa dah meninggal Tuan Haji Ismail Hashim. Pergau, Kelantan. Dulu saya belajar dengan Rogayah Sulong, Terengganu. Dia ada mengajar Segamat dulu. Pendek berkat lah. Yang pertama dia kata *Quran* jadikan amalan bacaan sebelum *semayang* lepas *semayang* berkat. *Tak* payah baca Panjang baca pendek esok sambung lagi. *Tak paham* kita bertanya *ni* apa. Mad apa *ni* contohnya lah kan. Idgham apa contohnya lah kan. Itu *sajelah* yang dapat saya sampaikan dan saya pun kadang risau juga takut apa yang saya cakap *ni* takut *tak* serupa *tak* betul tahu tapi orang semua cari saya kan sebab saya *ni* bukan asal jati Tebing Tinggi tapi macam mana Imam tahu saya tahu. Imam lagi banyak kawan sahabat daripada Segamat, daripada Johor datang ke mari. Semua *takde* membangkang lah sampai yang masa perjumpaan di UiTM dulu, di atas pentas *tu*. Betul ke imam cakap *ni*? Perak pun ada Syeikh Maghribi *ni* kata dia bukan lah Tebing Tinggi *je*. Dan dia *tu* pun kaedahnya macam

(...) *tak* berani lah saya *nak* cakap wallahualam orang jumpa saya lah kadang dia seolah-olah macam dia tahu orang *nak* datang jumpa dia. Pernah orang datang jumpa saya. Dia tahu *mam* saya datang jumpa dia. Macam mana? Malam tadi saya mimpi. Macam mana pula jadi macam itu? Saya niat dengan Allah. Ya Allah kalau benar hamba Allah *ni* satu orang yang kaedahnya dikatakan keramah keramat maksudnya tunjuk lah wajah rupa dia. Saya sebenarnya dapat jumpa tapi *tak* sempat bercakap. Lawa orangnya putih-putih kuning allahuakhabar. Sempat saya beri salam dia jawab salam, hilang. Sebab apa *diaorang* kacau minta nombor ekor. Astaghfirullahalazim. Banyak yang dapat tu. Entah macam mana cara dia membuat kita *tak* tahu lah. Kadang letaknya air dalam botol, kadang letaknya kertas kepilkan sekali situ. Astaghfirullahalazim. Haa tu lah orang kita melayu kan. Pernah satu orang melayu datang daripada Jementah. Situ banyak pokok getah besar situ tanah sawit tu. Tengah orang cina cakap loktang tahu loktang keturun tahu terjun benda atas pokok getah bonggg kabut lari (Imam Ketawa) macam benda jatuh banggg gitu. Nasib baik tak hempapnya awak kata saya. Haa itulah saya jadi saya pun nak cerita lebih-lebih kang takut salah tak pasal-pasal ini gormal semua.

**DA: Okey Imam, soalan seterusnya. Bagaimanakah keadaan dan suasana semasa pembukaan Kampung Tebing Tinggi?**

YMRH: Semasa pembukaan sebab ini diceritakan oleh orang tua-tua kepada saya lah memang kaedahnya masalah besar terutama hutan rimba, hutan nak buka hutan. Bila hutan *ni* bermacam-macam masalah daripada apa benda yang nak kita *bawak*. Kemudian, makanan. Kemudian dalam hutan kita ditimpa penyakit *macam-macam* lah kaedah memang merumitkan lah. Tapi oleh tegas, sabar. Kaedahnya tidak mudah memikirkan. Ah baliklah kita, tak jadi kita buka *ni*. (...)

Contohnya kan dia dengan tegas dengan sabar. Iman pula ada kepada Allah subhanahu wa ta'ala. Itu yang Berjaya *tu*. Itu yang nama Tok Tiong tadi *tu*. Nama dia Mat Said apa *tu*, Idris bin Mat Said nama penuh dia Mat Said, digelar Tok Tiong. Orang yang pandai pendekar. Dia lah mengajak kawan-kawan dia. Itu tak tahu lah siapa kawan-kawan dia adalah sebutnya saya dah lupa haritu diaorang orang tua *tu* bagitahu saya. Ini lah orang tua *ni* lah asasnya *bukak* Kampung Tebing Tinggi *ni* punya susah punya deritanya punya kaedahnya tidak berapa nak cerita lagi *dah* punya susah tapi sabar dia kesabaran dia dapatlah Cuma sekarang bila sampai keadaan macam *ni* anak cucu *tak* ingat *kat* dia. Sampai masjid *taknak* datang, pun ada. Dah ada pokok durian boleh tanam. Dia gadai, dia jual. Haa *tu* cerita dia. Bukan semua lah siapa yang kaedahnya *takde* ingat kematian *takde* ingat datuk nenek yang bersusah payah *bukak* ladang *bukak* kebun inilah jadinya.

**DA: Okey Imam, soalan seterusnya. Bagaimanakah corak pentadbiran Kampung Tebing Tinggi pada masa dahulu?**

YMRH: Kaedah masa dahulu memang keadaan yang *nak* dikatakan huru-hara tidak tapi dalam memang pemerintahan yang rumit lah susah lah juga untuk *nak* menjayakan menjadikan sebagai suatu kampung yang boleh didiami sampai sekarang sebab orang tua-tua dulu tahu *je* lah datang bukan ada dengan ilmu kan Cuma ada dengan kudrat dengan cangkul, kapak, parang, beliung dan keadaan dulu pun bukan macam sekarang ada semua cukup kan. Dalam keadaan bergelap dalam hutan rimba pondok sana sebiji sini sebiji. Itu yang tangkap dek *ghimau*. Nak balik ke rumah *pungg aumm ghimau*, mati nama dia Mat Amin. Tapi *ni* kalau ada cerita kat UiTM *takde* kan. Dia untuk makluman kita *je* lah. (Mencelah) kalau keluar radio *tak pasal-pasal* pulak saya hahaha.

**DA: Okey soalan seterusnya, ada *tak* perbezaan dari segi pentadbiran dulu dengan masa sekarang zaman kini untuk Kampung Tebing Tinggi?**

YMRH: Memanglah banyak perbezaan jauh benar bezanya. Nombor satu daripada kaedahnya kerjasama yang kurang memuaskan. Hubungan lah kadang kan. Dulu kalau susah sama susah tapi sekarang alhamdulillah generasi sekarang dah balik bertaut balik semula. Kalau tak dulu cakap kalau kita bercakap kadang-kadang ada *aje* yang tukang bangkang *tak* betul. Tu lah kau aku ajak buat kebun sini kau buat sana sebab kebun orang dulu kejap sana dua ekar sini seekar sana setengah ekar *takde* berpakat lah. Apa yang (...) dicerita orang tua-tua lah dan alhamdulillah sekarang ada lah kaedahnya. Aman damailah juga pada pendapat saya lah. Cuma kadang-kadang segolongan sahaja yang *tak* mahu mendengar apa kata apa ikutan kita yang baik-baik contoh daripada dulu bila sebut buat kerja kahwin *ni*, orang muda-muda semua datang satu. Yang keduanya *takde tak* payah nak “catering” “catering” apa sebab ada yang ketua yang jadi kata orang putih “leader” sangat kaedahnya sanggup berbasah kering walaupun dengan lelahnya dia sanggup mengajak orang-orang muda untuk sama untuk membuat kebaikan dalam sesuatu majlis contohnya nikah kahwin, kematian ada lah semua tapi sekarang dah kurang sikit lah. Kurang *tu* sebab apa sebab orang muda dah *tak* berapa ada sekarang. Semua *dah* berdagang pergi berkerja di luar tapi *alhamdulillah* masih lagi terkawal masih lagi bagus hubungan mesra diantara penduduk-penduduk.

**DA: Baik soalan seterusnya, adakah terdapat juga pembangunan dan juga kemajuan semasa? Semasa zaman dulu dengan zaman sekarang?**

YMRH: Zaman dulu kemajuan tak kemajuan tu adalah daripada segi cucuk tanam, lagi satu sawah padi. Memang dulu saya sendiri pun sama menanam padi, menuai dengan orang rumah saya. Memang lagi juga kalau daripada segi agama kalau dikira bagaimana yang saya tahu lah dalam daerah Segamat kampung tertua adalah Tebing Tinggi yang lama. Yang kedua orang yang kita *nak* kata kan alim *tak* alim tapi kenal Tebing Tinggi Tuan Haji Jaafar bin Haji Samah, dia berasal daripada Thailand kahwin orang sini lah. Dia mewakili daerah Segamat ke pertandingan tilawah al-Quran tahun 1930 masa *tu* Sultan Ibrahim ke Sultan Abu Bakar lupa dah. Pendek kata terkenal dia, bila sebut Haji Jaafar *je*, memang orang sebut dia orang alim. Dengan sebab dia lah banyak anak murid dia Imam-Imam dan keberkatan tu saya ada ambik sikit lah bagaimana saya belajar bersama (Bunyi Batuk) ujian al-Quran *tu*. Dia terus terang cakap Hasan nama saya Hasan awak belajar betul, (...) jangan belajar *nak* nama hahaha saya kata Insya Allah Tok saya bukan *nak* nama sebagaimana saya diwakilkan oleh Ketua Kampung untuk mewakili kampung ini ke peringkat daerah. Mula pergi ke Jementah, Mukim dulu kan. Haa itu cerita dia. Alhamdulillah pendek kata Tuan Haji Jaafar ni orang alim pada saya dan dia pernah menjadi wakil macam (Gagap) orang beradu dia ambik markah apa nama (Celahan) Juri. Haji Jaafar bin Haji Samah. Lagi *takde* benda lagi dah.

**DA: Okey Imam soalan seterusnya. Bagaimanakah pendakwahan agama Islam di Kampung Tebing Tinggi pada masa dahulu dan pada masa kini?**

YMRH: Perbezaan jauh beza, masa dahulu adalah kadang-kadang menggunakan sampan *nak* pergi ke rumah ke rumah *ni* masa *tu* mungkin selalu banjir lah terawang-awang air *ni* kesusahan dulu lah.

Yang kedua *takdelah* dapat kekadang kita *nak* menjemput *macam* guru ugama ataupun tok lebai tok lebai, susah *nak* datang ke mari dan sekarang *alhamdulillah* nampaknya lebih daripada dulu memang terbaikkah. Kadang-kadang yang menjadi masalah kita sendiri yang *tak tak* mengambil tahu apa urusan apa kegiatan masjid kadang-kadang saya bukan *anu* lah saya pun dulu orang muda juga tapi saya masih ingat lagi apa *tu* apa kata guru saya “Hasan awak sebagai seorang murid adalah menjaga tatatertib awak sebagai seorang murid dan seorang pelajar agama kena ingat sampai akhir hayat, saya ingat itu lah tapi sekarang bukan saya *nak* kata kata lah Tebing Tinggi tapi *kureng* lah kata orang sini ada lemahnya juga lah yang pertama. Yang kedua, agak orang *tak* ramai sini orang mudanya lah kan tapi *alhamdulillah* ramai *je* lah Jemaah *tak* pernah *takde pulak alhamdulillah*.

**DA: Okey Imam**

**SESI KEDUA**

**MK: Okey Imam, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

YMRH: Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuhu.

**MK: Nama saya Muhammad Khusairie Bin Razali. Jadi saya akan meneruskan soalan untuk temubual ini.**

YMRH: Iya.



**MK: Untuk bahagian kedua soalan yang pertama, bolehkah Imam kongsi kepada kami berkaitan kisah di sebalik Rumah Pasong yang menjadi sebutan masyarakat tempatan di Kampung Tebing Tinggi?**

YMRH: Iya. Menurut cerita orang tua- tua dulu, (--) Rumah Pasong ni dibuat daripada tiang kayu biasa, lantai buluh, dinding kulit, atap daun, bukan daun rumbia! daun- daun hutan tu, sebagaimana diberitahu oleh orang yang mengetahui nengok keadaan pada masa itu (--) Rumah Pasong yang pertama di daerah Segamat, walau bagaimanapun tapi ada di tempat- tempat lain tidak dinamakan Rumah Pasong, dibuat macam persinggahan saja lah, contoh di Pogoh ada, di Kg Mosodok Lama sana ada, pernah dengar Kg Mosodok lama tak?

**MK: Pernah dengar.**

YMRH: Atas Batu Nam, Bukit Gemat, ada tersebut Rumah Pasong tapi bukan macam Rumah Pasong Tebing Tinggi, Rumah Pasong siap dengan rumah sana tidak, macam orang macam persinggahan anggota polis *lah*. Salah seorang yang masih saya ingat lagi, arwah bapak saya pernah berkhidmat sebagai polis di sana.

**MK: Baik Imam,**

YMRH: Iya.

**MK: Untuk soalan seterusnya, bagaimanakah gaya hidup masyarakat semasa awal pembukaan Kg Tebing Tinggi?**

YMRH: Setakat yang saya tahu memang bila awal apa keadaan kehidupan yang memang lah *berdikit-dikit*, bersabar-sabar kalau tidak mungkin takkan (--) jadi sebuah Kg Tebing Tinggi *ni*. Dengan kesusahan daripada makanan, perbelanjaan, makan-minum melalui jalan sungai dulu ikut sungai *ni*, nak ke Bukit Kepong ikut sungai apa hal semua sungai jalan raya lah! *Takde* sungai patah *bandor* lah. Jadi.

**MK: Okey Imam, untuk soalan seterusnya adakah terdapat jurang perbezaan sosio ekonomi penduduk Kg Tebing Tinggi sebelum dan selepas pembukaan tanah Kg Tebing Tinggi?**

YMRH: Memang ketara Nampak apabila banyak tanah-tanah yang berjaya dibukak maka perbezaan kehidupan dulu-dulu pada masa itu adalah sungguh berbeza. Contoh dulu-dulu *takde* lah dapat untuk mengajurkan pelajar *nak-nak* keluar sekolah menengah, sekolah rendah, *takde* tapi sekarang *Alhamdulillah* lebih baik lah daripada Kg Tebing Tinggi ni dibukak dulu ataupun dijadikan ladang huma, kata orang tua-tua lah dan kemudian di Sekolah Tebing Tinggi pun ada sekolah buatan gotong-royong tu ada, baru lah dapat pergi ke Gemereh, Lubuk Batu, Bandar Segamat, memang cukup rumit sulit lah pada masa itu (--)

**MK: Okey Imam, untuk soalan seterusnya, pada masa dahulu, adakah terdapat ancaman penjajah seperti ancaman Parti Komunis Malaya di Kg Tebing Tinggi ini?**

YMRH: Masalah penjajahan tu memang tak boleh lari daripada tahun 1946 sampai 1955, Cuma sampai 50, 51, 53 *je*. Tebing Tinggi ni dia adakan satu pasukan keselamatan dipanggil *Home Guard* tahu? *Home Guard!*

**MK: *Home Guard*.**

YMRH: *Home Guard*, nanti mengawal kampung masing-masing anggota dia dapat senapang-senapang *Rifle [Raifal]* muncung panjang tu *kan*. Dan ada rumah, rumah, ada rumah kubu lah buat daripada *anu* tanah atau dinding *kan*. Dia ada pagar sini, dan di sini lah selalunya *Komunis* dia lalu menyeberang sungai ni, memang terkenal. Maaf saya cakap, tapi kecualinya tak sepatut saya cakap. Di Tebing Tinggi ada orang yang bersubahat dengan *Komunis*. Kalau tidak, orang kampung sini habis. Dia (...) berbaik bukan kerana apa, menyelamatkan! orang lain, faham? Dua orang tapi dah mati semua dah.

**MK: Okey Imam, untuk soalan seterusnya, apakah peranan Sungai Muar yang berdekatan Kg Tebing Tinggi semasa semasa penjajahan ancaman *Komunis*?**

YMRH: Itulah digunakan orang untuk melarikan diri contoh, bila diserang komunis, askar-askar *British* ada berkawal ada askar-askar Australia *kan*, ada *kan*, *bawak* perahu menyorok lah lari.

**MK: Okey untuk soalan seterusnya, siapakah yang memainkan peranan penting dalam menentang ancaman *Komunis* di Kg Tebing Tinggi semasa dijajah dahulu?**

YMRH: Pendek kata yang menjadikan kaedahnya dapat kemerdekaan tercapai dengan kerjasama adalah penduduk Tebing Tinggi yang cekal hati, walaupun dicemuh, walaupun kadang-kadang sakit hati oleh orang kampung yang penyokong *Komunis*, ada yang menyokong *Komunis* sebenarnya, *tu* cerita, orang Tebing Tinggi dulu.

**MK: Untuk soalan seterusnya, siapakah yang (--) Bagaimana dan apakah punca Rumah Pasong Kg Tebing Tinggi ini dirobohkan?**

YMRH: Ada sebab telah dibuat satu Rumah Pasong yang khas untuk daerah Segamat iaitu di Bandar Segamat. (--) Tahun 19, 1937 itu dia, makna *takde* lah lagi Rumah Pasong sampai Rumah Pasong dalam sejarah dibuat pantun tau! -- (Sambil membaca pantun):

*Rumah Pasong Tebing Tinggi,  
Nampak dari Kuala Segamat,  
Terlanjur tuan-tuan ada di sini,  
Saya doakan semuanya selamat.*

(Tokoh membaca pantun dengan alunannya yang tersendiri.)

(...) Dalam buku Sejarah Segamat orang kata ada pantun *tu*.

**MK: Untuk soalan seterusnya Imam,**

YMRH: Iya.

**MK: Apakah Imam berpendapat bahawa sejarah Kampung Tebing Tinggi ini semakin dilupakan kerana keadaan tebing yang tinggi itu sudah hilang?**

YMRH: Kalau pendapat saya sebagai seorang yang tak begitu kaedahnya dalam pengetahuan sejarah *ni* (--) mungkin kadang-kadang terdapat segelintir bukan semua lah, bukan separuh, penduduk kampung dah lupakan Tebing Tinggi ni, sementara dia tak lupa dia masih akan sayang kepada suasana kampung, suasana majlis diadakan, mungkin itulah puncanya. Punca lain *takde* kadang-kadang sebab pengaruh, pengaruh kawan, pengaruh benda-benda yang mengasyikkan, itu saja lah.

**MK: Okey Imam, apakah perbezaan bentuk muka bumi Kg Tebing Tinggi sebelum dan selepas pembukaan?**

YMRH: *Alhamdulillah*, Kg Tebing Tinggi sebelum dibuka memang satu tempat yang cukup menakutkan juga lah kalau nak lalu-lalang nak pergi ke sana ke mari sebab muka buminya masih lagi hutan rimba terpacak, air sana terpacak, parit sana masih lagi tentu, tak tentu hala untuk kita nak ikut, nak dilalu. *Alhamdulillah* pada hari ini salah satu tempat yang memang cantik dan memang boleh dijadikan kaedahnya idaman semua orang yang ingin nak masuk Kg Tebing Tinggi tapi oleh sebab dah *takde* benda-benda yang dikatakan peringatan atau sejarah, *takde* orang

datang. Dulu memang selalu, jumpa Tuan Haji lah, dah jumpa Tok Guru lah. *Tu* saja.

**MK: Baik Imam,**

YMRH: Iya.

**MK: Siapakah tokoh yang terlibat semasa pembukaan (-- ) Kg Tebing Tinggi?**

YMRH: Satu, sebabtu yang saya kata tadi, Tun Mat Syed nama dia, kalau gelar Tok Tiang.

**MK: Tok Tiang.**

YMRH: Nama dia Mat Syed, orang panggil Tok Tiang. Dial ah seorang yang asal orang Bugis sana.

**DA: Okey Imam, *ni* soalan yang terakhir.**

YMRH: Ya ya.

**DA: *Nak* tanya pada Imam, apakah harapan ataupun Hasrat Imam sendiri terhadap Kampung Tebing Tinggi *ni* pada masa kini dan pada masa akan datang lah makna pada masa akan datang *ni* untuk cucu-cucu yang akan membesar di Kampung Tebing Tinggi?**

YMRH: Harapan saya lah khasnya kepada kepada penduduk Kampung Tebing Tinggi yang ada sekarang yang mungkin akan menerajui masa hadapan yang mungkin kita semua dah *takde* kan. Yang pertama, memang saya harapkan satu kampung yang harmoni yang aman damai terutama dalam masalah agama, pergaulan. Contohnya dalam pergaulan buat kerja kahwin, *macam-macam* lah kan akan bertambah baik pada yang ada sekarang sebab kalau tidak diingat dikasihi masa sekarang mungkin segala terlupa dan akan tinggal Kampung Tebing Tinggi, tebing *aje* lah. Itu saya mudahkan lah dan saya berdoa kepada *allah subhanahu wa ta'ala* mudah-mudahan perkara ini tidak akan berlaku dan menjadi satu ingatan bagi generasi-generasi yang akan datang kan. Terima kasih lah.

**DA: Okey Imam dengan ini tamat lah sesi temubual sejarah lisan mengenai sejarah Kampung Tebing Tinggi bersama Yang Mulia Raja Hassan bin Raja Atan pengkisah sejarah tempatan. Jadi, kami berdua mengucapkan ribuan terima kasih diatas kesudian dan Kerjasama yang diberikan oleh Imam dalam menyempurnakan wawancara ini. Baiklah, jadi diharapkan dengan hasil temubual ini kita dapat dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang mahupun bidang sejarah mahupun dalam bidang-bidang apa yang (...) melibatkan Pendidikan dan sebagainya. Okey jadi semoga bermanfaat ilmu ini pada masa akan datang**

YMRH: *Insy Allah.*

**DA: Baik Imam, Sekian terima kasih. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

## **6.0 LOG TEMUBUAL**



## 6.0 LOG TEMUBUAL

LOG	TOPIK	RUMUSAN
01:08- 03:41	<b>FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMBUKAAN KAMPUNG TEBING TINGGI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebanyakannya orang luar daripada Kampar dan Bugis yang datang meneroka dan membuka tanah di kawasan Kampung Tebing Tinggi ini untuk dijadikan tempat tinggal.</li> </ul>
03:42- 04:37	<b>TERCETUSNYA NAMA KAMPUNG TEBING TINGGI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Diberi nama kerana terdapat satu teing yang sangat tinggi sehingga apabila berada diatas tebing tersebut boleh melihat seluruh kawasan Segamat.</li> </ul>
04:38- 05:29	<b>MITOS ATAU LAGENDA DI KAMPUNG TEBING TINGGI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada mitos atau lagenda yang berlaku ataupun menjadi sebutan masyarakat di Kampung Tebing Tinggi.</li> </ul>
05:30- 06:52	<b>TOKOH PERINTIS LAIN SELAIN YANG MUIA IMAM HASSAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada tokoh lain selain Imam kerana beliau ialah yang paling tua di Kampung Tebing Tinggi pada masa kini.</li> </ul>
06:53- 08:48	<b>LATAR BELAKANG DAN PENGARUH IMAM KEPADA MASYARAKAT KAMPUNG</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau sebagai Imam dan Jurunikah di Kampung Tebing Tinggi.</li> <li>• Hubungan beliau dengan penduduk kampung sangat mesra dan beliau juga dihormati oleh penduduk kampung.</li> </ul>
08:49- 14:50	<b>SUMBANGAN IMAM TERHADAP</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumbangan utama adalah terhadap perkembangan agama Islam.</li> </ul>

	<b>MASYARAKAT KAMPUNG TEBING TINGGI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau juga mengajar Tilawah al-Quran kepada penduduk kampung.</li> <li>• Beliau juga menjadi Jurunikah kepada penduduk kampung.</li> <li>• Beliau berdakwah secara lemah lembut untuk menarik perhatian penduduk kampung datang ke masjid menunaikan solat Jemaah.</li> </ul>
14:51- 17:00	<b>KEADAAN DAN SUASANA SEMASA PEMBUKAAN KAMPUNG TEBING TINGGI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masalah besar kerana keadaan semasa itu seperti hutan rimba.</li> <li>• Oleh kerana sifat keteguhan dan kesabaran, Kampung Tebing Tinggi Berjaya dibuka oleh seorang yang digelar Tok Tiong.</li> </ul>
17:01- 18:12	<b>CORAK PENTADBIRAN KAMPUNG TEBING TINGGI PADA MASA DAHULU</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Corak pentadbiran pada masa dahulu yang sangat rumit untuk memerintah sesebuah kampung kerana orang dahulu tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang luas.</li> <li>• Fasiliti dan utiliti juga tidak lengkap seperti tiada bekalan elektrik dan air.</li> </ul>
18:13- 20:31	<b>PERBEZAAN PENTADBIRAN DAHULU DAN SEKARANG</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Banyak perbezaan, antaranya Kerjasama penduduk kampung yang kurang memuaskan.</li> <li>• Hubungan yang kurang baik sesama penduduk kampung sehingga tidak mempunyai kesepakatan idea.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada masa dahulu, ciri kepimpinan seorang ketua lebih mempunyai kredibiliti sebagai pemimpin.</li> <li>• Namun begitu, pada masa sekarang system pentadbiran di Kampung Tebing Tinggi masih terkawal.</li> <li>• Penduduk Kampung Tebing Tinggi masih mesra antara satu sama lain.</li> </ul>
20:32- 22:43	<b>PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN PADA MASA DAHULU DAN SEKARANG</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada masa dahulu, kemajuan Kampung Tebing Tinggi dinilai melalui perkembangan bercucuk tanam, seperti menanam padi, pokok getah dan sebagainya.</li> <li>• Kemajuan dari segi agama juga diberi perhatian oleh penduduk Kampung Tebing Tinggi.</li> <li>• Kampung Tebing Tinggi telah melahirkan ramai tokoh agama yang terlibat ke peringkat daerah untuk pertandingan Tilawah al-Quran.</li> </ul>
22:44- 24:14	<b>PERBEZAAN PENDAKWAHAN AGAMA ISLAM PADA MASA DAHULU DAN SEKARANG</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Banyak perbezaan, pada masa dahulu, tiada fasiliti yang lengkap seperti jalan raya sehingga menggunakan sampan untuk bergerak ke sesuatu destinasi.</li> <li>• Tidak berpeluang untuk menjemput guru-guru agama kerana keadaan fasiliti kampung yang tidak mengizinkan.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada masa sekarang, fasiliti semua sudah lengkap tetapi sikap penduduk kampung pula yang mengambil remeh berkaitan pendakwahan agama Islam.</li> <li>• Jumlah bilangan orang muda yang berkurangan juga menjadi faktor dalam perkembangan pendakwahan agama Islam.</li> </ul>
24:15-25:55	<b>KISAH RUMAH PASONG YANG MENJADI SEBUTAN ORANG RAMAI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rumah Pasong adalah Balai Polis pada masa dahulu.</li> <li>• Rumah Pasong dibina daripada tiang kayu, lantai buluh, dinding kulit dan atap daun rotan.</li> <li>• Rumah Pasong ini rumah pasong pertama di Segamat.</li> <li>• Terdapat juga Rumah Pasong lain namun tidak seperti Rumah Pasong di Kampung Tebing Tinggi kerana di tempat lain itu hanya menjadi persinggahan Anggota Polis.</li> <li>• Bapa kepada Yang Mulia Imam Hassan juga pernah berkhidmat sebagai Pegawai Polis di Rumah Pasong.</li> </ul>
25:56-26:39	<b>GAYA HIDUP MASYARAKAT SEMASA AWAL PEMBUKAAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mereka hidup dalam keadaan serba serbi kekurangan.</li> <li>• Pengangkutan jalan yang mereka gunakan ialah Sungai Muar untuk ke mana-mana destinasi.</li> </ul>

	<b>KAMPUNG TEBING TINGGI</b>	
26:40-27:39	<b>JURANG PERBEZAAN SOSIOEKONOMI SEBELUM DAN SELEPAS PEMBUKAAN KAMPUNG TEBING TINGGI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jurang perbezaan yang ketara, contohnya, keadaan sebelum pembukaan, anak-anak tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi tapi selepas pembukaan keadaan itu berubah, ramai anak-anak yang boleh melanjutkan pelajaran.</li> </ul>
27:40-28:59	<b>ANCAMAN PENJAJAH PARTI KOMUNIS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ancaman penjajah Parti Komunis melanda daripada tahun 1946 sehingga tahun 1953.</li> <li>• Terdapat pasukan pengawal keselamatan yang digelar “Home Guard”. Mereka dibekalkan senjata dan kubu sebagai tempat berlindung.</li> <li>• Askar Komunis menggunakan sungai untuk datang ke Kampung Tebing Tinggi.</li> <li>• Terdapat penduduk kampung yang bersubahat dengan Komunis. Tujuannya adalah untuk menyelamatkan penduduk kampung yang lain.</li> </ul>
29:00-29:28	<b>PERANAN SUNGAI MUAR SEMASA ANCAMAN KOMUNIS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Digunakan oleh penduduk kampung untuk melarikan diri daripada ancaman Komunis</li> </ul>

29:29- 30:00	<b>INDIVIDU YANG MEMAINKAN PERANAN SEMASA PENJAJAHAN KOMUNIS DAHULU</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerjasama penduduk Kampung Tebing Tinggi yang bersemangat cekat mampu menentang penjajahan yang dilakukan oleh Komunis.</li> </ul>
30:01- 30:45	<b>PUNCA RUMAH PASONG DIROBOHKAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dirobohkan kerana telah dibangunkan Rumah Pasong yang baru di kawasan Bandar Segamat pada tahun 1937.</li> </ul>
30:46- 31:32	<b>PENDAPAT IMAM BERKAITAN ADAKAH SEJARAH KAMPUNG TEBING TINGGI DILUPAKAN AKIBAT KEADAAN TEBING TINGGI YANG SUDAH HILANG</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Imam berpendapat segelintir penduduk kampung telah melupakan sejarah Kampung Tebing Tinggi kerana pengaruh luar yang dibawa masuk ke dalam Kampung Tebing Tinggi.</li> </ul>
31:33- 32:29	<b>PERBEZAAN BENTUK MUKA BUMI SEBELUM DAN SELEPAS PEMBUKAAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keadaan muka bumi yang tidak strategik dan tersusun pada sebelum pembukaan Kampung Tebing Tinggi sehinggakan merisaukan penduduk sewaktu itu. Contohnya terdapat kawasan air yang tidak diketahui dengan jelas, tanah lembut dan sebagainya.</li> <li>• Selepas pembukaan, keadaan muka bumi semakin diperharui dan cantik.</li> </ul>

32:30- 32:54	<b>TOKOH YANG TERLIBAT SEMASA PEMBUKAAN KAMPUNG TEBING TINGGI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tok Mat Said ataupun digelar Tok Tiong berasal daripada Bugis yang terlibat semasa pembukaan Kampung Tebing Tinggi.</li> </ul>
32:55- 34:08	<b>HARAPAN ATAU HASRAT IMAM TERHADAP KAMPUNG TEBING TINGGI PADA MASA KINI DAN AKAN DATANG</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Imam berharap agar kampung kekal harmoni terutama dalam perkembangan ilmu agama, pergaulan penduduk kampung.</li> <li>• Imam juga berdoa agar segala keburukan yang telah berlaku pada masa dahulu tidak berlaku lagi untuk generasi yang akan datang.</li> </ul>
34:09- 35:03	<b>UCAPAN PENUTUP TEMUBUAL</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penemubual mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh.</li> </ul>

## **7.0 RALAT**



## **7.0 Ralat**

Ketika temubual sesi dengan pengkisah sejarah lisan Kampung Tebing Tinggi, tiada sebarang ralat yang berlaku.

## **8.0 GLOSARI**

## 8.0 GLOSARI

NO	PERKARA	HURAIAN
1.	Rumah Pasong	Rumah Pasong adalah satu rumah yang digunakan untuk menahan seseorang, mengurung seseorang dan memenjarakan seseorang. Kini Rumah Pasong dikenali sebagai Balai Polis.
2.	Huma	Huma adalah ladang padi (di tanah kering), tanah yang baru dibuka (ditebas hutannya).
3.	Raifal	Sejenis senapang berlaras panjang yang bahagian dalamnya mempunyai alur berpilin supaya pelurunya berpusing apabila ditembakkan.
4.	Pendokumentasian	Penceritaan seseorang pengumpul cerita rakyat bagi mendapat ~ bahan yang boleh menjadi bahan kajian penting untuk generasi akan datang. Pendokumentasian adalah usaha (kegiatan, proses, dan sebagainya) mendokumentasikan cerita rakyat kepada rakyat.
5.	Tauliah	Surat kepercayaan daripada seorang pemimpin seperti Sultan Negeri yang diberi kepercayaan untuk sesuatu perkara.
6.	Naratif	Cerita atau kisah tentang peristiwa, pengalaman, dan lain-lain: bolehlah dikatakan bahawa sesuatu seperti cerpen, cereka dan sebagainya adalah

		merupakan hasil daripada prestasi linguistic.
7.	Komunis	Golongan yang menganut atau mengamalkan faham komunisme.
8.	Penjajah	Orang yang menjajah sesebuah negeri atau kawasan lain.
9.	Pendekar	Orang yang pandai bermain senjata.
10.	Beliung	Sejenis kapak yang matanya melintang iaitu (perkakas tukang kayu) untuk menebang balak.

# **9.0 INDEKS**

## **9.0 INDEKS**

Agama 19, 20, 24, 25, 32

Segamat 16, 17, 19, 20, 24,26,27,29

Bidang 15, 32

Cerita 16, 17, 18, 19, 21, 22, 23, 24, 26, 29

Hutan Rimba 15, 16, 21, 22, 30

Johor 15, 17, 19, 20

Kampung Tebing Tinggi 15, 16, 17, 18, 19, 21, 22, 23, 24, 26  
30, 31, 32

Komunis 27, 28, 29

Kahwin 23, 24, 32

Muar 16, 17, 28

Masyarakat 18, 19

Rumah Pasong 18, 26, 29

Sungai 16, 17, 18, 27, 28

# **10.0 BIBLIOGRAFI**

## 10.0 BIBLIOGRAFI

- Aisyamuddin bin Abd Latip. (2023). Blog Rasmi Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Segamat. <https://blog.psmsegamat.com/my/index.php>*
- Basri, F. (2019). Cabaran dan Pemantapan Budaya Melayu dalam Penerusan Tamadun Melayu. ResearchGate. [https://www.researchgate.net/publication/332110585\\_Cabaran\\_dan\\_Pemantapan\\_Budaya\\_Melayu\\_dalam\\_Penerusan\\_Tamadun\\_Melayu](https://www.researchgate.net/publication/332110585_Cabaran_dan_Pemantapan_Budaya_Melayu_dalam_Penerusan_Tamadun_Melayu)*
- Blog Rasmi Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Segamat. (2023). Makam Tokoh-Tokoh penting Segamat. <https://blog.psmsegamat.com/my/index.php/lawatan-kajian?start=6>*
- Geoview.info. (2023). Kampung Tebing tinggi. Kampung Tebing Tinggi populated place, Johor, Malaysia. Retrieved from [https://my.geoview.info/kampung\\_tebing\\_tinggi,1763225](https://my.geoview.info/kampung_tebing_tinggi,1763225)*
- Goh, A. T. (2021). Home Guard in Malaya. ResearchGate. [https://www.researchgate.net/publication/356565084\\_Home\\_Guard\\_in\\_Malaya](https://www.researchgate.net/publication/356565084_Home_Guard_in_Malaya)*
- Jasmi, K. A. (2015). Perkembangan Pendidikan Islam dan arah tujuanya dalam memperkasakan peradaban Melayu Johor. ResearchGate. [https://www.researchgate.net/publication/293097664\\_Perkembangan\\_Pendidikan\\_Islam\\_dan\\_arah\\_tujuanya\\_dalam\\_memperkasakan\\_peradaban\\_Melayu\\_Johor](https://www.researchgate.net/publication/293097664_Perkembangan_Pendidikan_Islam_dan_arah_tujuanya_dalam_memperkasakan_peradaban_Melayu_Johor)*
- Lin. S. H. (2020). Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting Dan diperlukan Dalam penyelidikan ... Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/342923894\\_Sejauhmanakah\\_Sejarah\\_Lisan\\_penting\\_dan\\_diperlukan\\_dalam\\_penyelidikan\\_dan\\_penulisan\\_sejarah](https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Sejarah_Lisan_penting_dan_diperlukan_dalam_penyelidikan_dan_penulisan_sejarah)*
- Omar, S. I., Salim, N., & Mohamed, B. (2013). Tradisi merantau masyarakat Melayu dahulu dan sekarang: suatu perbandingan. ResearchGate. [https://www.researchgate.net/publication/277009638\\_Tradisi\\_Merantau\\_Masyarakat\\_Melayu\\_Dahulu\\_Dan\\_Sekarang\\_Suatu\\_Perbandingan](https://www.researchgate.net/publication/277009638_Tradisi_Merantau_Masyarakat_Melayu_Dahulu_Dan_Sekarang_Suatu_Perbandingan)*



*Pusat Rujukan Persuratan Melayu @ DBP. (n.d.).  
<http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=rumah+pasung>*

*Wikiwand. (2020). Kampung Tebing Tinggi, Segamat. Retrieved from  
[https://www.wikiwand.com/ms/Kampung\\_Tebing\\_Tinggi,\\_Segamat](https://www.wikiwand.com/ms/Kampung_Tebing_Tinggi,_Segamat)*

# **11.0 LAMPIRAN**

## 11.1 Biografi Tokoh



<b>NAMA</b>	YM RAJA HASSAN BIN RAJA ATAN
<b>NAMA PANGGILAN</b>	IMAM RAJA HASSAN
<b>TARIKH LAHIR</b>	8 SEPTEMBER 1937
<b>UMUR</b>	87 Tahun
<b>TEMPAT LAHIR</b>	Kampar, Perak.
<b>NO TELEFON</b>	0132494110
<b>PEKERJAAN</b>	Imam Masjid, Jurunikah, Pengkisah Sejarah Lisan
<b>BIDANG</b>	Agama, Sejarah

## 11.2 Surat Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Y.M. Raja Hassan bin Raja Atan K/P: 370908-01-5113 pada  
8 Julai 2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh Raja Hassan bin Raja Atan  
Tarikh: 8 Julai 2023

(Nama pensyarah  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

### 11.3 Set Soalan

#### Bahagian 1

- I. Bolehkah Imam kongsi tentang bagaimana dan faktor yang mempengaruhi pembukaan Kampung Tebing Tinggi?
- II. Bagaimanakah Kampung Tebing Tinggi mendapat nama?
- III. Pada pendapat Imam, adakah wujudnya mitos dan lagenda berkaitan yang mempengaruhi nama Kampung Tebing Tinggi?
- IV. Selain daripada Imam, adakah terdapat tokoh perintis lain yang bersama Imam di Kampung Tebing Tinggi ini?
- V. Bolehkah Imam cuba kongsi kepada kami secara ringkas berkaitan latar belakang / pengaruh Imam dengan masyarakat di Kampung Tebing Tinggi ini?
- VI. Apakah sumbangan imam pada Kampung Tebing Tinggi terutama terhadap masyarakat disini?
- VII. Bagaimanakah keadaan dan suasana semasa pembukaan Kampung Tebing Tinggi?
- VIII. Bagaimanakah corak pentadbiran untuk Kampung Tebing Tinggi pada masa dahulu?
- IX. Adakah terdapat perbezaan dari segi cara pentadbiran dahulu dan kini terhadap Kampung Tebing Tinggi?
- X. Adakah terdapat juga pembangunan dan kemajuan semasa?
- XI. Bagaimanakah pendakwaan agama Islam di Kampung Tebing Tinggi?

## **Bahagian 2**

- I. Bolehkah Imam cuba kongsi kepada kami berkaitan kisah disebalik Rumah Pasong yang menjadi sebutan masyarakat tempatan di Kampung Tebing Tinggi?
- II. Bagaimanakah gaya hidup masyarakat semasa awal pembukaan Kampung Tebing Tinggi?
- III. Adakah terdapat jurang perbezaan sosioekonomi penduduk Kampung Tebing Tinggi sebelum dan selepas pembukaan tanah Kampung Tebing Tinggi?
- IV. Pada masa dahulu, adakah terdapat ancaman penjajah seperti ancaman parti komunis malaya di Kampung Tebing Tinggi ini?
- V. Apakah peranan Sungai Muar yang berdekatan dengan Kampung Tebing Tinggi semasa penjajahan ancaman komunis?
- VI. Siapakah yang memainkan peranan penting dalam menentang ancaman komunis di Kampung Tebing Tinggi semasa dijajah dahulu?
- VII. Bagaimana dan apakah punca Rumah Pasong, Kampung Tebing Tinggi ini dirobohkan?
- VIII. Apakah Imam berpendapat sejarah Kampung Tebing Tinggi ini semakin dilupakan kerana keadaan “Tebing” yang tinggi itu sudah hilang?
- IX. Apakah perbezaan bentuk muka bumi Kampung Tebing Tinggi sebelum dan selepas pembukaan?
- X. Siapakah tokoh yang terlibat semasa pembukaan Kampung Tebing Tinggi?

#### 11.4 Diari Penyelidikan

<b>Bil.</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Tarikh</b>
1.	Penerangan projek Sejarah Lisan daripada Pensyarah	Mac 2023
2.	Proses pembahagian tokoh pengkisah oleh Pensyarah	2 Mei 2023
3.	Mulakan proses menghubungi pengkisah	18 Mei 2023- 5 Jun 2023
4.	Membuat pertemuan pertama dengan pengkisah (Sesi Berkenalan dan Temuduga Awal)	10 Jun 2023
5.	Membuat pertemuan kedua dengan pengkisah	8 Julai 2023
6.	Menyiapkan projek sejarah lisan (Article, Transkrip dan Rakaman Audio)	8 Julai 2023- 18 Julai 2023
7.	Menghantar projek sejarah lisan (Article, Transkrip dan Rakaman Audio)	20 Julai 2023




### 11.5 Gambar dan Bahan-Bahan yang Berkaitan



*Tapak Peninggalan Rumah Pasong Kampung Tebing Tinggi*





*Penemubual bersama pengkisah sejarah lisan YM Raja Hassan Bin Raja Atan*